



**NOTIS SEBUT HARGA**  
**PERBADANAN PUTRAJAYA**  
No. Sebut Harga : PPj/SH(S)/JP/84/2024

Tajuk Sebut Harga:

**BEKALAN KERUSI DAN MEJA BAGI KEGUNAAN DEWAN SERBA GUNA  
PRESINT 8, 9, 11 DAN 16, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar sebagai **Kontrak Panel Berpusat (KPB)** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** di dalam **Kod Bidang 020199 Perabot, Peralatan Pejabat, Hiasan Dalaman Dan Domestik (Pembuat)** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK BERKAITAN**. Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
3. Dokumen sebut harga hanya boleh dibeli bermula **15 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)** hingga **21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)** oleh wakil syarikat yang sah sahaja di **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**. Bayaran tanpa tunai berjumlah **RM10.00** boleh dilaksanakan menggunakan Kad Debit, Kad Kredit, JomPAY, e-Wallet dan Perbankan Internet.
4. Wakil syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang diberi kuasa seperti penama di dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat MOF berserta **satu (1) Salinan Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat MOF** bagi urusan pembelian dokumen.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang dikhaskan di tempat yang ditetapkan seperti di Perenggan 3, sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **26 NOVEMBER 2024 (SELASA)**.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Jabatan Kewangan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpj.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

  
**(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)**

Naib Presiden  
Jabatan Perkhidmatan Bandar  
Perbadanan Putrajaya